

From: UUM Press
Sent: Wednesday, October 16, 2019 2:15 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf; Mohammad Amzari Bin Bakri
Subject: YB. DR MASZLEE MALIK LANCAR BUKU "MEMBONGKAR SERANGAN ORIENTALISME"

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**



16 Oktober 2019 / 17 Safar 1441H

YB. DR MASZLEE MALIK LANCAR BUKU "MEMBONGKAR SERANGAN ORIENTALISME"



Buku "Membongkar Serangan Orientalisme" hasil penulisan tiga penulis iaitu Ahmad Yumni Abu Bakar (UiTM), Mohd Fairuz Jamaluddin (Kolej Poly-Tech MARA) dan Mardzelah Makhsin (UUM) telah dilancarkan oleh Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia di Goethe University (GU), Frankfurt, Jerman. Buku tersebut dilancarkan bersama-sama 12 buku lain yang diterbitkan oleh ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Buku terbitan UUM Press itu membicarakan tentang dakwaan dan hujah orientalis terhadap Islam dari pelbagai dimensi. Antaranya pelbagai sudut serangan dilakukan oleh orientalis Barat terhadap al-Quran dan kisah yang terdapat di dalamnya, mempertikaikan hadis nabi

serta juga tohmahan terhadap peribadi Nabi SAW. Pandangan orientalis dan liberalis terhadap isu Lesbian, Gay, Biseksual & Transgender (LGBT) yang akhir-akhir ini menjadi trend kepada masyarakat dunia turut diperincikan dan dikupas secara ilmiah.

Selain itu, perbincangan mengenai pengaruh orientalis terhadap dunia al-Quran sehingga mentafsirkan al-Quran mengikut acuan metodologi Barat yang dipanggil hermeneutika turut diselitkan. Buku ini dapat mendedahkan pengaruh orientalis ke atas dunia Islam sehingga lahirnya golongan Islam liberal dan anti hadis yang berkiblatkan Barat. Justeru itu, pendekatan yang digunakan dalam buku ini adalah amat sesuai kepada masyarakat umum kerana segala keraguan dan persoalan yang ditimbulkan oleh orientalis serta pengikutnya terhadap Islam telah dijawab berdasarkan pandangan cendekiawan Islam.

Buku ini boleh didapati dari UUM Press Bookstore, UUM Press Online Bookstore, Lazada, dan Shopee pada harga RM40.00

“PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI”

Pejabat Am Pentadbiran dan Kewangan
UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel: +604 928 4795/4796
Faks: +604 928 4792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.